

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in M-Zahra Income Takaful. Be sure to also read the general terms and conditions.

1. What is this plan about?

This plan is a limited pay Takaful endowment plan that provides coverage for death and Total and Permanent Disability ("TPD"). This plan pays annual cash payments starting from the end of 2nd certificate year. In addition, this plan also provides a compassionate allowance upon death and life event allowance upon marriage or childbirth or maturity of the plan. Single contribution top-up is available to increase the balance in the Participant Account ("PA").

2. What are the Shariah concepts applicable?

This plan applies the following Shariah concepts:

- a. **Tabarru'** means donation for charitable purposes. Under this plan, the participant donates a portion of the contribution to the Participants' Special Account ("PSA") to help other participants.
- b. **Wakalah** refers to a contract where a party, as principal authorizes another party as his agent to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without the imposition of a fee. Under this plan, the participant authorizes Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia", "Our" or "Us") to manage the PA, Guaranteed Benefits Account ("GBA"), and PSA, and in return, Takaful Malaysia will receive a Wakalah fee.
- c. **Ju'alah** refers to a contract where a party offers a specified reward to another party who achieved a determined result. Under this plan, the participant allows Takaful Malaysia to receive a portion of investment profit arising from the PA and GBA as a performance incentive for Takaful Malaysia's achievement in managing the PA and GBA which results in the profit. Any investment profit arising from the PA, including any investment profit arising from the GBA where the annual amount of investment profit in excess of 3.9% will be distributed between the participant and Takaful Malaysia in the proportions of 85% and 15% respectively.
- d. **Qard** refers to a contract of lending money by a lender to a borrower where the latter is bound to repay an equivalent replacement amount to the lender. Under this plan, Takaful Malaysia will lend an amount of money to the PSA without interest if the PSA is in deficit.

3. What are the covers / benefits provided?

This plan covers:

No.	Benefits	Benefits Payout
1.	Death benefit	Upon death of the person covered, a lump sum of the following will be payable: <ol style="list-style-type: none"> a. the higher of RM 300,000 or total contributions received by Us less the total of any Guaranteed Cash Benefits ("GCB") paid by Us*; b. the balance in the PA (if any).
2.	TPD benefit	Upon TPD of the person covered prior to age 70 years next birthday, a lump sum of the following will be payable: <ol style="list-style-type: none"> a. the higher of RM 300,000 or total contributions received by Us less the total of any GCB paid by Us*; b. the balance in the PA (if any).
3.	Accidental Death / TPD Benefit	If death / TPD due to accidental causes occurs prior to age 70 years next birthday, an additional amount* of the following will be payable, on top of the death / TPD benefit payable: <ol style="list-style-type: none"> a. RM 300,000; or b. total contributions received by Us less the total of any GCB paid by Us, whichever is higher. If death / TPD due to accidental causes occurs while overseas (outside Malaysia) prior to age 70 years next birthday, an additional amount* of the following will be payable, on top of the death / TPD benefit payable: <ol style="list-style-type: none"> a. RM 600,000; or b. 200% of total contributions received by Us less the total of any GCB paid by Us, whichever is higher.
4.	Compassionate Allowance	Upon death of the person covered, an additional RM 30,000 will be payable.
5.	Life Event Allowance	Upon marriage or childbirth of the person covered, an additional amount of RM 30,000 will be payable as Life Event Allowance provided that the certificate is in force for at least 2 certificate years. This benefit is payable only once throughout the certificate term. If there is no claim for this benefit during the coverage term, this will be payable upon maturity.

6.	Guaranteed Cash Benefits ("GCB")	GCB is payable annually from the GBA starting from the end of 2 nd certificate year until death, TPD, surrender or maturity, whichever occurs first.	
		End of Certificate Year	GCB Payable
		Year 2 - 5	RM 24,000.00
		Year 6 - 10	RM 30,000.00
		Year 11 and above	RM 36,000.00
7.	Guaranteed Maturity Benefit	<p>At the maturity of the certificate, a lump sum of the following will be payable:</p> <p>a. RM 450,000 plus RM 15,000 (if no claims on the Life Event Allowance); or</p> <p>b. the balance in the GBA (if any),</p> <p>whichever is higher.</p> <p>In addition, any balance in the PA will also be payable.</p>	

* The total benefits payout shall not be less than the balance in the GBA.

Notes:

- a. The coverage term for this plan is 20 years.
- b. Please refer to the marketing illustration for the details of your sum covered and coverage term under this plan.

4. How much contribution do I have to pay?

The total contribution that you have to pay varies depending on your sum covered and contribution payment mode.

The estimated total contribution that you have to pay: RM 9,750.00 Monthly. You have an option to make your contribution by monthly, quarterly, half-yearly or yearly.

The contribution duration is 8 years.



The contributions that you pay contribute to both the savings and protection elements of the product, e.g death benefits. If you are looking for financial products with savings element, you may wish to compare annualised returns of this Takaful certificate with effective return of other investment alternatives. Please refer to Marketing Illustration for more details.

5. What are the fees and charges that I have to pay?

- a. Wakalah fee (percentage (%) of the contribution) will be deducted based on the contribution payment term. It will be used to pay for the management expenses and commissions.

Certificate Year	1	2	3	4	5	6	6 & Above
Contribution Paid (RM)	117,000.00	117,000.00	117,000.00	117,000.00	117,000.00	117,000.00	117,000.00
Wakalah Fee (%)	30.00	25.00	25.00	10.00	10.00	8.00	8.00
Wakalah Fee (RM)	35,100.00	29,250.00	29,250.00	11,700.00	11,700.00	9,360.00	9,360.00
Commission (%)	12.00	8.00	7.50	2.50	2.50	2.50	2.50
Commission (RM)	14,040.00	9,360.00	8,775.00	2,925.00	2,925.00	2,925.00	2,925.00

- b. Tabarru' will be deducted monthly from the GBA to the PSA. Tabarru' is fixed at 1.5% of the gross monthly contribution for all attained ages throughout the coverage term. However, the Tabarru' is not guaranteed.

Note:

Please refer to the marketing illustration for the more details of these charges under this plan.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- a. **Duty of Disclosure-** Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, you have a duty to take reasonable

care not to provide false or inaccurate information when you apply for this plan. Failure to do so may result in voidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of the terms or termination of your contract of Takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information provided is inaccurate or has changed.

- b. **Free-Look Period**- There is a free-look period of fifteen (15) calendar days from the delivery date of the e-Certificate for you to review and decide whether you want to continue with the plan. If you wish to discontinue, you may cancel the certificate and get a full refund of your contributions paid.
- c. The amount placed under the PA or GBA and the investment profit arising from the PA or GBA are not guaranteed and will be based on the actual fund performance.
- d. The risk of investment is borne solely by you and the benefits may be less than your total contributions paid.
- e. **Lapse**- Your certificate will lapse when your balance in the GBA becomes zero.
- f. If an incident occurs which gives rise to a claim, you shall notify us immediately.
- g. You must nominate a nominee(s) and ensure that your nominee(s) is / are aware of your participation in this plan.

Note:

The above list is non-exhaustive. Please refer to your certificate for the full list of terms and conditions under this plan.

7. What are the major exclusions under this plan?

Death

- a. If the person covered commits suicide, while sane or insane, within one (1) year from the effective date of the coverage, no benefit will be payable. However, all contributions paid will be refunded;
- b. If death of the person covered occurs prior to 2nd birthday, no benefit will be payable. However, all contributions received by Us will be refunded; or
- c. If death of the person covered due to non-accidental causes within two (2) years from the effective date of the coverage, no benefit will be payable. However, all contributions received by Us will be refunded.

TPD

- a. If TPD of the person covered occurs prior to 2nd birthday, no benefit will be payable. However, all contributions paid will be refunded;
- b. If TPD of the person covered due to non-accidental causes within two (2) years from the effective date of the coverage, no benefit will be payable. However, all contributions paid will be refunded;
- c. TPD which has existed prior to or on the effective date of the coverage; or
- d. TPD due to attempted suicide or self-inflicted injuries, while sane or insane.

Note:

The above list is non-exhaustive. Please refer to your certificate for the full list of the exclusions under this plan.

8. Can I cancel my certificate?

Yes, you may cancel your certificate at any time after the fifteen (15) calendar days free-look period. Upon cancellation, any balance in the GBA and PA will be payable. However, participating in a family takaful plan is a long-term financial commitment. The accumulated balance that you may get when you cancel the certificate before the maturity period will be much less than the total amount of contribution that you have paid.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform the takaful operator of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about family takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on 'Family Takaful' available at all Our branches or visit www.insuranceinfo.com.my/.

If you have any queries, please contact Takaful Malaysia at:

Customer Service Unit (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]
 14th Floor, Annexe Block,
 Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300 88 252 385
Email: csu@takaful-malaysia.com.my.

11. Other similar types of family takaful cover available?

Please ask Our sales representative for other similar types of plans offered by Takaful Malaysia.

IMPORTANT NOTE:

PARTICIPATING IN A FAMILY TAKAFUL PLAN IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF PLAN THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH OUR SALES REPRESENTATIVE OR CONTACT TAKAFUL MALAYSIA DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 02/2023.

Sample

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai M-Zahra Income Takaful. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah ciri-ciri pelan ini?

Pelan ini adalah pelan endowmen takaful dengan bayaran caruman terhad yang menyediakan perlindungan untuk kematian dan Keilatan Menyeluruh dan Kekal ("KMK"). Pelan ini membayar bayaran tunai tahunan bermula dari akhir tahun sivil ke-2. Di samping itu, pelan ini juga menyediakan elaun ihsan apabila kematian dan elaun peristiwa hidup semasa perkahwinan atau kelahiran anak atau kematangan pelan. Tambahan caruman tunggal tersedia untuk meningkatkan baki dalam Akaun Peserta ("AP").

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah berikut:

- a. **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian sumbangan ke dalam Akaun Khas Peserta ("AKP") untuk membantu peserta-peserta lain.
- b. **Wakalah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain untuk menjadi wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara-perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan AP, Akaun Manfaat Terjamin ("AMT") dan AKP dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.
- c. **Ju'alah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada satu pihak lain yang telah berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah pelan ini, peserta membenarkan Takaful Malaysia untuk menerima sebahagian daripada keuntungan pelaburan daripada AP dan AMT sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan AP dan AMT yang menghasilkan keuntungan.
- d. **Qard** merujuk kepada sebuah kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar jumlah penggantian yang sama kepada pemberi pinjaman. Di bawah pelan ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam AKP tanpa faedah jika AKP mengalami defisit.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

No.	Manfaat	Bayaran Manfaat
1.	Manfaat Kematian	Apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi, jumlah sekali gus berikut akan dibayar: <ol style="list-style-type: none"> a. jumlah yang lebih tinggi daripada RM 300,000 atau jumlah caruman yang diterima oleh kami tolak sebarang manfaat tunai terjamin yang telah dibayar oleh kami* ; dan b. baki di dalam AP.
2.	Manfaat KMK	Apabila orang yang dilindungi mengalami KMK sebelum umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, jumlah sekali gus berikut akan dibayar: <ol style="list-style-type: none"> a. jumlah yang lebih tinggi daripada RM 300,000 atau jumlah caruman yang diterima oleh kami tolak sebarang manfaat tunai terjamin yang telah dibayar oleh kami* ; dan b. baki di dalam AP.
3.	Manfaat Kematian/ KMK Akibat Kemalangan	Jika berlaku kematian / KMK akibat kemalangan sebelum umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, amaun tambahan* yang berikut akan dibayar, di atas manfaat kematian / KMK yang perlu dibayar: <ol style="list-style-type: none"> a. RM 300,000; atau b. jumlah caruman yang diterima oleh kami tolak sebarang manfaat tunai terjamin yang telah dibayar oleh kami, mana yang lebih tinggi. Jika berlaku kematian / KMK akibat kemalangan di luar negara (di luar Malaysia) sebelum umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, amaun tambahan* yang berikut akan dibayar, di atas manfaat kematian / KMK yang perlu dibayar: <ol style="list-style-type: none"> a. jumlah perlindungan; atau b. jumlah caruman yang diterima oleh kami tolak sebarang manfaat tunai terjamin yang telah dibayar oleh kami, mana yang lebih tinggi.
4.	Elaun Ihsan	Apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi, amaun tambahan sebanyak RM 30,000 akan dibayar.

5.	Elaun Peristiwa Hidup	<p>Apabila orang yang dilindungi berkahwin atau beranak, amaun tambahan sebanyak RM 30,000 akan dibayar sebagai Elaun Peristiwa Hidup dengan syarat sijil itu berkuat kuasa selama sekurang-kurangnya 2 tahun.</p> <p>Manfaat ini hanya dibayar sekali sahaja sepanjang tempoh sijil.</p> <p>Sekiranya tiada tuntutan yang dibuat untuk manfaat ini sepanjang tempoh perlindungan, ini akan diambil kira dan dibayar apabila sijil matang.</p>								
6.	Manfaat Tunai Terjamin (MTT)	<p>MTT akan dibayar setiap tahun dari AMT bermula dari akhir tahun sijil ke-2 sehingga kematian, KMK, penyerahan atau kematangan, yang mana berlaku dahulu.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Akhir Tahun Sijil</th> <th>MTT Dibayar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tahun 2 - 5</td> <td>RM 24,000.00</td> </tr> <tr> <td>Tahun 6 - 10</td> <td>RM 30,000.00</td> </tr> <tr> <td>Tahun 11 & ke atas</td> <td>RM 36,000.00</td> </tr> </tbody> </table>	Akhir Tahun Sijil	MTT Dibayar	Tahun 2 - 5	RM 24,000.00	Tahun 6 - 10	RM 30,000.00	Tahun 11 & ke atas	RM 36,000.00
Akhir Tahun Sijil	MTT Dibayar									
Tahun 2 - 5	RM 24,000.00									
Tahun 6 - 10	RM 30,000.00									
Tahun 11 & ke atas	RM 36,000.00									
7.	Manfaat Kematangan Terjamin	<p>Apabila sijil matang, jumlah sekali gus berikut akan dibayar:</p> <ol style="list-style-type: none"> RM 450,000 dengan RM 15,000 (jika tiada tuntutan ke atas Elaun Peristiwa Hidup); atau baki AMT, mana yang lebih tinggi. <p>Selain itu, sebarang baki di dalam AP juga akan dibayar.</p>								

* Jumlah bayaran manfaat tidak kurang daripada baki di dalam AMT

Nota:

- Tempoh perlindungan untuk pelan ini adalah 20 tahun.
- Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk butiran jumlah perlindungan dan tempoh perlindungan anda di bawah pelan ini.

4. Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

Jumlah caruman yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada jumlah perlindungan, tempoh perlindungan, tempoh bayaran caruman dan mod bayaran anda.

Jumlah anggaran caruman yang perlu anda bayar : RM 9,750.00 Bulanan. Anda mempunyai pilihan untuk membuat caruman anda setiap bulan, suku tahunan, setengah tahun atau tahunan.

Tempoh pembayaran caruman adalah 8 tahun.



Caruman yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, cth manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan sijil Takaful ini dengan pulangan alternatif pelaburan lain. Sila rujuk kepada Ilustrasi Pemasaran untuk butiran lanjut.

5. Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang perlu saya bayar?

- Yuran Wakalah (% caruman) akan ditolak berdasarkan tempoh bayaran caruman. Ia akan digunakan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan komisen.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	6 & ke atas
Caruman Dibayar (RM)	117,000.00	117,000.00	117,000.00	117,000.00	117,000.00	117,000.00	117,000.00
Yuran Wakalah (%)	30.00	25.00	25.00	10.00	10.00	8.00	8.00
Yuran Wakalah (RM)	35,100.00	29,250.00	29,250.00	11,700.00	11,700.00	9,360.00	9,360.00
Komisen (%)	12.00	8.00	7.50	2.50	2.50	2.50	2.50
Komisen (RM)	14,040.00	9,360.00	8,775.00	2,925.00	2,925.00	2,925.00	2,925.00

- b. Tabarru' akan ditolak setiap bulan dari AMT kepada AKP. Tabarru' ditetapkan pada 1.5% daripada caruman kasar bulanan untuk semua umur yang dicapai sepanjang tempoh perlindungan. Walau bagaimanapun, Tabarru' tidak terjamin.

Nota:

Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk butiran caj-caj ini di bawah pelan ini

6. Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- a. **Tanggungjawab Pendedahan**- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 dari Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk pelan ini. Kegagalan berbuat demikian, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang disediakan tidak tepat atau sudah berubah.
- b. **Tempoh Penelitian Percuma**- Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda mahu meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik penuh untuk caruman yang anda telah bayar.
- c. Elaun Peristiwa Hidup, Manfaat Tunai Terjamin dan Manfaat Kematangan Terjamin tidak akan dijamin jika anda tidak membuat caruman lebih dari tiga (3) bulan berturut-turut.
- d. **Luput**- Sijil anda akan luput apabila baki AMT menjadi kosong.
- e. Sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan, anda harus memberitahu kami dengan serta-merta.

Nota.

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

Kematian

- a. Sekiranya orang yang dilindungi membunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berkuat kuasa perlindungan, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang dibayar akan dikembalikan;
- b. Sekiranya kematian orang yang dilindungi berlaku sebelum hari lahir ke-2, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang dibayar akan dikembalikan; atau
- c. Jika kematian orang yang dilindungi disebabkan selain daripada punca kemalangan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh berkuat kuasa perlindungan, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang dibayar akan dikembalikan.

KMK

- a. Sekiranya KMK orang dilindungi berlaku sebelum hari lahir ke-2, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang dibayar akan dikembalikan;
- b. Jika KMK orang yang dilindungi disebabkan selain daripada punca kemalangan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh perlindungan yang berkuat kuasa, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang dibayar akan dikembalikan;
- c. KMK yang telah wujud sebelum atau pada tarikh berkuat kuasa perlindungan; atau
- d. KMK disebabkan oleh cubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri secara sengaja, ketika waras atau tidak waras.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalendar. Selepas pembatalan, sebarang baki dalam AMT dan AP akan dibayar. Walau bagaimanapun, menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Baki terkumpul yang anda boleh dapatkan apabila anda membatalkan sijil sebelum tempoh matang akan jauh lebih rendah daripada jumlah caruman yang telah anda bayar.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pengendali takaful sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan insuranceinfo mengenai 'Takaful Keluarga' yang boleh didapati di mana-mana cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my/.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pengendali takaful di:

Unit Khidmat Pelanggan (UKP)

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]
Tingkat 14, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur, Malaysia.
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300 88 252 385
Emel: csu@takaful-malaysia.com.my.

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan?

Sila ajukan pertanyaan kepada pengendali takaful / Wakil Jualan untuk lain-lain jenis pelan yang serupa yang ditawarkan oleh pengendali takaful.

NOTIS PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS PELAN YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA MESTI MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuat kuasa pada 02/2023.